

DATE: 5/10/2007

BERITA HARIAN

# Syarikat korporat harus aktif beri bantuan: TPM

Usaha Yayasan Albukhary sedia pusat dialisis wajar dijadikan contoh

Oleh Azmi Md Deros

**A**LOR STAR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mahu syarikat swasta melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka dalam membantu meringankan bebanan yang dihadapi masyarakat kurang bernasib baik.

Beliau berkata, bantuan yang diberikan oleh syarikat korporat itu bukan saja mampu mengurangkan penderitaan golongan kurang berkemampuan, malah turut meringankan bebanan kerajaan dalam menyediakan kemudahan untuk tujuan itu.

"Apabila ekonomi negara baik, perniagaan akan berkembang dan ahli perniagaan patut menyumbang semula untuk kebajikan orang ramai.

"Dalam hal ini, usaha Yayasan Albukhary menyediakan pusat dialisis untuk pesakit buah pinggang secara percuma adalah satu contoh CSR yang amat baik untuk diteladani.

"Amal jariah seperti ini amat dituntut agama," katanya ketika berucap merasmikan Pusat Dialisis Albukhary di Kompleks Albukhary di Jalan Langgar, di sini, semalam.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek; Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Pengerusi Yayasan Albukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary.



**RINGKANKAN BEBAN:** Najib menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim sambil diperhatikan Mahdzir (terlindung) dan Syed Mokhtar pada majlis berbuka puasa di Masjid Albukhary, di Alor Star, semalam.

Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim dan orang miskin sebelum berbuka puasa. Beliau kemudian menunaikan solat tarawih dan menghadiri perjumpaan tertutup dengan pemimpin Umno bahagian di negeri ini.

Pusat berharga RM2.2 juta itu mempunyai 36 mesin dialisis, sebuah

bilik rawatan, empat ruang dialisis merangkumi keluasan 1,000 meter persegi dan memberikan perkhidmatan percuma kepada golongan kurang berkemampuan.

Najib berkata, langkah yaysan itu menyediakan kemudahan rawatan itu amat dihargai oleh kerajaan kerana ramai pesakit menghadapi masalah mendapatkan rawatan mencuci

darah kerana kosnya mahal.

Katanya, pusat dialisis itu antara yang terbesar disediakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) negara ini.

Sementara itu, beliau berkata, rakyat negara ini bertuah kerana kemudahan kesihatan disediakan kerajaan amat baik, berbanding kebanyakan negara membangun lain.